



SIARAN AKHBAR

S.A. 2019/12/78 (HQ)

TNB MENYANTUNI GOLONGAN KURANG BERNASIB BAIK

- TNB sumbang makanan dan barangan keperluan untuk gelandangan di Kuala Lumpur
- Seramai 300 gelandangan telah dibantu

Tenaga Nasional Berhad (TNB) meluaskan lagi perkongsian kemakmurannya dengan meliputi golongan gelandangan pula di Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Ipoh, Johor Bahru dan Kota Bahru, baru-baru ini.

Program Menyantuni Gelandangan itu adalah inisiatif terbaru TNB yang sebelum ini sudah pun melaksanakan pelbagai program untuk mereka yang kurang bernasib baik termasuk bantuan kos pendidikan, peralatan persekolahan, pemberian makanan serta menyediakan dan membaiki kediaman.

Jumaat lalu (29 November) di Kuala Lumpur, 300 gelandangan pelbagai kaum di Pusat Transit Gelandangan di Jalan Pahang, menerima bantuan berupa pek makanan, barangan kelengkapan seperti botol air, bekas makanan, beg galas, wang saku dan perkhidmatan menggunting rambut.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan dan isteri, Datin Seri Aidah Abu telah menyempurnakan penyerahan bantuan itu, yang ternyata mencerikan mereka yang menumpang teduh di pusat tersebut, pada malam itu.

Program diatur bersama oleh Persatuan Kebajikan Pekerja Islam (PKPI) TNB dan Kelab Jabatan Perkhidmatan Keselamatan TNB dengan kerjasama Yayasan Kebajikan Negara (YKN), sebagai pentadbir Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur untuk operasi pusat tersebut.

Pada majlis itu, TNB turut menyampaikan sumbangan RM10,000 kepada YKN.

Turut hadir, Ketua Pegawai Usaha Niaga (Chief Ventures Officer) TNB merangkap Presiden PKPI, Dato' Nor Azman Mufti; Ketua Jabatan Career Enhancement Management (CEM) merangkap Naib Presiden PKPI TNB, Datuk Ir. Abdul Aziz Abdul Majid; Datuk Bandar Kuala Lumpur, Dato' Nor Hisham A Dahlan dan Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Kebajikan Negara (YKN), Datin Paduka Che Asmah Ibrahim. Hadir sama, Ketua Jabatan Perkhidmatan Keselamatan TNB merangkap Naib Presiden PKPI, Sobri Shafie.

Kerjasama antara TNB dan YKN telah lama terjalin dengan pelbagai program Tanggungjawab Korporat sebelum ini termasuk:

- Program Better Brighter Anjung Kasih – penginapan sementara untuk ahli keluarga pesakit yang kurang berkemampuan – di Hospital Serdang
- Program Better Brighter Anjung Kasih di Hospital Melaka
- Sumbangan iftar Ramadan di Anjung Singgah Kuala Lumpur – pusat intervensi untuk golongan gelandangan
- Sumbangan mesin hemodialisis di YKN Lembah Pantai oleh Pelitawanis TNB

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 1 Disember 2019, jam 1.00 petang

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid (013-3626923) /
Grace Tan (016-6626229) / Nasir Aziz (018-9434524)
atau e-mel ke media@tnb.com.my*



Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan (tiga dari kiri) menyampaikan replika cek sumbangan TNB kepada CEO Yayasan Kebajikan Negara, Datin Paduka Che Asmah Ibrahim (dua dari kanan) dengan disaksikan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur, Dato' Nor Hisham A Dahlan (tengah).

Turut hadir ialah (dari kiri) Ketua Jabatan Perkhidmatan Keselamatan TNB merangkap Naib Presiden Persatuan Kebajikan Pekerja Islam (PKPI), Sobri Shafie; Ketua Pegawai Usaha Niaga (Chief Ventures Officer) TNB merangkap Presiden PKPI TNB, Dato' Nor Azman Mufti; Naib Presiden PKPI TNB, Datuk Ir. Abdul Aziz Abdul Majid; dan isteri Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB merangkap Yang Dipertua Persatuan Wanita Kumpulan TNB (Pelitawanis), Datin Seri Aidah Abu.



Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan (kanan) menghulurkan bantuan kepada golongan gelandangan yang menumpang teduh di Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur di Jalan Pahang pada Jumaat, 29 November. Turut hadir ialah (dari kiri) Ketua Pegawai Usaha Niaga (Chief Ventures Officer) TNB merangkap Presiden Persatuan Kebajikan Pekerja Islam (PKPI) TNB, Dato' Nor Azman Mufti; Ketua Jabatan Perkhidmatan Keselamatan TNB merangkap Naib Presiden PKPI, Sobri Shafie; Datuk Bandar Kuala Lumpur, Dato' Nor Hisham A Dahlan; dan Naib Presiden PKPI TNB, Datuk Ir. Abdul Aziz Abdul Majid.



Barisan pengurusan tertinggi TNB, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Dato' Nor Hisham A Dahlan, dan sukarelawan menyantuni 300 asnaf melalui Program Menyantuni Gelandangan dan Menyantuni Miskin Bandar yang dianjurkan bersama Persatuan Kebajikan Pekerja Islam (PKPI) TNB dan Kelab Jabatan Perkhidmatan Keselamatan TNB.